

16 JUN 2021 ( RABU )

### Keluasan Hutan Simpan Chini akan ditambah

KUANTAN - Keluasan Hutan Simpan Chini, Pekan akan diperluas daripada 4,600 hektar kepada 6,000 hingga 7,000 hektar, seperti yang disarankan Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanul Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada Isnin.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) dan Jabatan Perhutanan negeri telah diminta mengambil tindakan segera, bagi mengenal pasti kawasan tambahan seterusnya menguruskan soal pewartaan.

Menurut beliau, peluasan berkenaan wajar sekali gus dapat menambah liputan kawasan hutan demi memelihara dan memulihara alam sekitar Tasik Chini, yang mana luas badan airnya sahaja antara 200 dan 700 hektar mengikut musim.

"Peluasan ini juga dapat memberi ke-berkesanan lebih tinggi kepada usaha untuk menepati kehendak Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO)," katanya dalam kenyataan di sini pada Selasa.

Wan Rosdy berkata, Tasik Chini Rizab Biosfera (TCRB) di bawah program 'Manusia dan Biosfera UNESCO', telah diiktiraf sejak 2009 sebagai kawasan rizab biosfera pertama di Malaysia.

Perkara itu berlandaskan tiga teras utama berkaitan pemuliharaan ekosistem termasuk spesies dan hidupan, sokongan logistik seperti aktiviti penyelidikan dan pembelajaran, serta pembangunan melibatkan ekonomi penduduk setempat.

"Bagi menjayakan ketiga-tiga teras utama ini, TCRB dibahagikan kepada tiga zon iaitu zon teras, zon penampunan dan zon peralihan, dengan fungsinya yang berbeza.



Laporan Sinar Harian pada Selasa.

"Malah, dengan keluasan maksimum kira-kira 7,000 hektar seperti titah saranan Tengku Hassanul, ia sangat memadai bagi menjayakan TCRB secara lebih berkesan," kata beliau.

Dalam pada itu, Wan Rosdy berkata, kerajaan negeri juga akan berusaha untuk menyegerakan kerja-kerja penanaman semula, dengan memperuntukkan RM10 juta lagi bagi penanaman semula hutan. Setakat ini, sebanyak RM250,000 telah dibelanjakan untuk aktiviti itu.

Selain itu katanya, aktiviti penguatkuasaan akan terus diperkasa termasuk pemantauan menggunakan teknologi radar pengesanan cahaya (LIDAR), yang akan dilaksanakan secara bersepadu serta berkala melibatkan agensi-agensi penguatkuasaan negeri dan persekutuan.

Pada Isnin, Tengku Hassanul menitahkan supaya kawasan Hutan Simpan Kekal Chini seluas 4,600 hektar ditambah kepada 6,000 hingga 7,000 hektar bagi menjaga kepentingan flora dan fauna di kawasan Tasik Chini serta persekitarannya.

- Bernama